

DEB bukan sekadar bantu Melayu

UM-31/3/2007

KUALA LUMPUR 30 Mac - Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukan sekadar menyelesaikan masalah ekonomi orang Melayu bahkan memamirkan peranan penting membentuk integrasi nasional dan mengelak berlakunya perpecahan kaum.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah berkata, DEB yang diperkenalkan pada 1970 berjaya mengimbangi bidang-bidang pendidikan, politik, budaya, sosial dan ekonomi semua etnik yang ada di negara ini.

"DEB bukanlah sebuah pakej ekonomi semata-mata, lebih penting lagi ia merupakan rancangan pembinaan sosial yang mempunyai matlamat lebih besar daripada setakat menyelesaikan masalah ekonomi orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk Pemikiran Dan Visi Tun Abdul Razak Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia Merentas Sempadan Etnik di sini, hari ini.

Ceramah itu dianjurkan oleh Persekutuan Badan Pendidikan dan Pembangunan Melayu (PBPPM).

Antara yang hadir ialah Pengerusi PBPPM, Tan Sri Arshad Ayub, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Rafiah Salim.

Menurut Tengku Razaleigh, kegagalan DEB mencapai matlamat 30 peratus ekuiti orang Melayu dalam ekonomi bukan disebabkan dasar yang diperkenalkan Tun Abdul Razak itu tidak berjaya.

Sebaliknya, jelas beliau, kegagalan tersebut berlaku kerana DEB bersaing dengan model pasaran bebas sebelum dapat membuktikan hasilnya selain dasar berkenaan tidak dilaksanakan dengan betul, cekap, bersih serta amanah.